



# KENYATAAN MEDIA

## KENYATAAN BERSAMA MENGENAI CADANGAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BAGI MAJLIS MELIBATKAN UMAT ISLAM DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

1. Hari ini, Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah membincangkan perkara berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam oleh YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
2. Mesyuarat telah meneliti mengenai kekeliruan berkaitan cadangan tersebut. Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan. Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan tersebut.
3. Mengambil kira bahawa perkara ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa **JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat tersebut tidak bersifat dasar**. Jemaah Menteri juga mengingatkan bahawa **setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu**.
4. Pada masa yang sama, **Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkuuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini**.
5. Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepadan nasional. Justeru, **segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI)** yang dipengerusikan bersama. Untuk makluman, Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 turut dijadualkan pada bulan ini akan mendengar segala pandangan ahli - ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).
6. Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaiannya telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia. Kerajaan MADANI menyedari bahawa kestabilan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM  
BIN HAJI MOKHTAR**  
MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (HAL EHVAL AGAMA)

**DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**